

TITAH

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XII

TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM

TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

KE-49 TAHUN 2006

PERHIMPUNAN KHAS SEKOLAH-SEKOLAH

SELURUH MALAYSIA

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Beta memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi atas limpah dan kurnia-Nya kepada kita, iaitu nikmat kemerdekaan yang akan disambut ulang tahunnya untuk kali Ke-49 pada tahun ini. Semoga sambutan kemerdekaan pada kali ini disambut dengan penuh penghayatan dan penuh keinsafan daripada seluruh rakyat jelata, khususnya warga pendidik dan murid-murid sekolah.

2. Kemerdekaan kali Ke-49 negara kita yang tercinta ini, adalah satu warisan yang mesti dipertahankan oleh generasi pada hari ini walaupun terpaksa berkorban jiwa dan sehingga ke titisan darah yang terakhir.

3. Generasi pada hari ini, perlu menyedari bahawa, kemerdekaan yang dinikmati ini adalah hasil daripada perjuangan generasi dahulu. Justeru, besarlah harapan Beta agar kemerdekaan yang dimiliki ini

dihayati dan diisi dengan semangat patriotisme yang jitu dalam jiwa warga pendidik dan murid-murid sekalian.

4. Beta berharap warga pendidik dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah dalam menyampaikan pelbagai ilmu dan pengetahuan. Oleh itu, segala prasarana dan kemudahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah digunakan dengan cekap dan berkesan oleh guru-guru dalam mencerna ilmu dan pengetahuan kepada anak-anak didik. Beta percaya, usaha ini mampu melahirkan generasi penerus yang berilmu, bijak, kritis dan rasional dalam mempertahankan Malaysia daripada pelbagai cabaran yang mendatang.

5. Justeru, Beta juga menyeru murid-murid agar dapat menghayati dan menimba sebanyak mungkin ilmu daripada guru-guru bagi memantapkan minda dan pengetahuan untuk membawa Malaysia mencapai Wawasan 2020. Oleh itu, pengorbanan dan kesedaran perlu ada dalam jiwa murid-murid demi kelangsungan agama, bangsa dan negara.

6. Sesungguhnya, tanggungjawab guru sebagai pendidik dan murid-murid sebagai pelajar adalah suatu gabungan usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan produktif bagi menjamin kesejahteraan dan meningkatkan daya saing negara di peringkat global. Oleh yang demikian, Beta berasa amat gembira dengan pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 atau RMK-9 yang memberikan tumpuan pada usaha untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia, kerana agenda ini dapat memperkasakan sistem pendidikan negara. Agenda ini juga akan melahirkan modal insan yang sesuai, menepati kehendak dan cabaran semasa.

7. Pada masa yang sama, dalam mengejar kecemerlangan akademik, seharusnya warga pendidik dan murid-murid kembali berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara yang selama ini telah terbukti menjamin keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Sejak sekian lama, prinsip ini telah dihayati dengan baik dan menjadi sebagai satu pegangan rakyat yang berbilang keturunan, kaum, dan agama untuk hidup dalam rukun dan damai.

8. Beta percaya bahawa, rakyat yang cemerlang ilmu akan cemerlang juga akhlaknya. Oleh hal yang demikian, dalam mengejar kecemerlangan akademik, aspek budi bahasa dan nilai-nilai murni mesti diserapkan semasa proses mendidik murid-murid. Gabungan kecemerlangan akademik dan budi bahasa ini dapat melahirkan rakyat yang mempunyai integriti yang mantap. Dengan nilai integriti yang mantap dan akademik yang cemerlang, sudah pasti dapat melahirkan rakyat yang berpegang teguh pada agama, bekerja kuat, bertanggungjawab dan berdaya saing.

9. Malaysia sebagai negara yang mengamalkan dasar Pintu Terbuka dan Langit Terbuka sudah pasti terdedah kepada pengaruh dan ancaman daripada pelbagai aspek seperti ekonomi, politik dan sosial. Dengan ini, sempena sambutan Kemerdekaan Malaysia Ke-49 ini, Beta menyeru agar guru-guru dapat mendidik murid-murid dengan menerapkan nilai-nilai baik dan murni untuk meningkatkan jati diri mereka. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan dan menyediakan generasi pewaris yang berupaya menilai unsur-unsur yang baik dan menolak unsur-unsur yang merugikan diri dan negara.

10. Sepanjang 49 tahun Malaysia merdeka, kita telah berusaha gigih meningkatkan kemajuan pendidikan dan ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata. Kerajaan tanpa ragu-ragu memperuntukkan dana yang besar untuk agenda pendidikan negara. Sesungguhnya, Beta mahu kecemerlangan pendidikan negara dapat melahirkan generasi yang mampu memartabatkan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang setanding dengan negara-negara maju yang lain. Beta berharap suara dan penyertaan kita di pentas dunia dipandang tinggi malah kita dapat “duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi” dengan negara-negara maju yang lain. Semua ini dapat dilakukan jika guru-guru dan murid-murid dapat menghayati erti kemerdekaan negara. Justeru, Beta berharap erti kemerdekaan negara dapat diterapkan dengan berkesan oleh guru-guru seiring dengan penyampaian ilmu pengetahuan kepada murid-murid sejak di bangku sekolah. Semoga usaha ini menjadikan murid-murid lebih memahami matlamat mereka belajar untuk negara tercinta ini.

11. Untuk memastikan kemerdekaan yang dikecapi ini dipertahankan oleh generasi pewaris, sudah semestinya generasi pewaris pada hari ini

bebas daripada gejala negatif yang merungsiikan. Untuk memastikan perkara ini terlaksana, sudah tentu menjadi tanggungjawab semua pihak, khususnya guru-guru agar dapat menerapkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan murid-murid. Sesungguhnya, pada merekalah tersematnya harapan negara pada masa hadapan. Semoga murid-murid dapat menghayati gaya hidup sihat ini untuk memastikan kecerdasan minda dan akan membawa kepada kecemerlangan akademik.

12. Besarlah harapan Beta agar tema Ulang Tahun Sambutan Hari Kemerdekaan Kali Ke-49, iaitu KERANAMU MALAYSIA telah dan dapat difahami secara mendalam oleh guru-guru dan murid-murid. Semoga pengisian terhadap erti kemerdekaan ini dapat diisi selari dengan tema KERANAMU MALAYSIA. Justeru, keberkesanan guru-guru melaksanakan amanah mengajar murid-murid dan kecemerlangan murid-murid dalam akademik merupakan salah satu manifestasi semangat patriotisme. Hal ini adalah selari dengan prinsip Islam, iaitu "Cinta akan negara adalah sebahagian daripada iman". Dalam agama lain, hal ini juga merupakan salah satu daripada nilai moral yang menjadi pegangan. Oleh itu, tema

KERANAMU MALAYSIA mempunyai pengertian yang besar ke arah ketinggian martabat Malaysia tercinta.

Akhir titah, selamat menyambut Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia Yang Ke-49.

Sekian , Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalamu Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh .